



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS EKONOMI KITARAN BAGI SISA PEPEJAL MELULUSKAN ENAM KERTAS BAGI MEMPERKASAKAN EKONOMI KITARAN

PUTRAJAYA, 29 Oktober 2024 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (*National Circular Economy Council-NCEC*) Bilangan 2 Tahun 2024, pagi ini.

Mesyuarat NCEC ini merupakan satu platform bagi membincangkan dan menyelaraskan perihal dasar dan pelaksanaan berkaitan ekonomi kitaran di peringkat nasional. Mesyuarat pada hari ini bermatlamat untuk **memaksimumkan kecekapan penggunaan sumber dan meminimumkan janaan sisa**.

Kerajaan bersama-sama wakil industri, persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pada hari ini bersetuju dan terus komited untuk mempercepatkan peralihan daripada ekonomi *linear* kepada ekonomi kitaran selari dengan matlamat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Blueprint Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (2025-2035).

Sebanyak enam (6) kertas telah dibentangkan merangkumi dua (2) kertas pertimbangan dan empat (4) kertas makluman. Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil kementerian, industri dan pemegang taruh yang terlibat dengan ekonomi kitaran. Keputusan dasar dan perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat NCEC seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Selari dengan matlamat mesyuarat, NCEC bersetuju untuk **memperluas penggunaan sanga (*slag*) iaitu sisa daripada industri besi dan keluli untuk digunakan sebagai komposisi bahan dalam sektor ekonomi berimpak tinggi** seperti pembinaan jalan raya, pembuatan batu-bata serta pembuatan terumbu karang buatan. Perluasan penggunaan sanga dapat mengurangkan jumlah sisa keluli dihantar ke tapak pelupusan dan penggunaan sumber alam primer melalui salah satu strategi 'R' ekonomi kitaran iaitu '*reduce*'.

NCEC turut mengambil maklum mengenai **kepentingan meningkatkan kawalan dan penguatkuasaan terhadap eksport sekerap ferus dan pematuhan lesen kilang keluli** bagi mengelakkan ketirisan sumber tempatan. Ketersediaan sumber tempatan yang mencukupi adalah penting bagi memastikan industri besi dan keluli negara memperoleh bahan mentah yang mencukupi dan mengurangkan pergantungan kepada bahan mentah import.

Selari dengan matlamat yang sama, NCEC mengambil maklum bahawa sisa makanan dapat diuruskan dengan lebih baik dan cekap melalui **pembangunan Pusat Pengitaran Tinggi Sisa Makanan (*Community Upcycling Food Waste Hub*) dengan mengaplikasikan ento-teknologi Entomal berasaskan Serangga Askar Hitam (*Black Soldier Fly – BSF*)**.

Menurut YB KM, “Melalui pusat ini, bukan sahaja jumlah sisa makanan yang berakhir di tapak pelupusan dapat dikurangkan malah ianya mampu merencanakan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti dengan membuka peluang pekerjaan baharu serta mendorong pertumbuhan ekonomi tempatan dalam bidang penternakan, pertanian, bioteknologi, entomologies, industri automasi dan digital”.

NCEC turut mengambil maklum mengenai **Program ‘Waste to Wealth’ oleh NanoMalaysia bagi sektor Agrikomoditi** yang berasaskan sumber sisa industri sawit seperti tandan buah kosong (*Empty Fruit Branches – EFB*) bagi menghasilkan bahan termaju nanoselulosa untuk kegunaan industri *oil and gas*, automotif, kosmetik, tekstil, aeroangkasa, penjagaan kesihatan, cat dan salutan.

Selain daripada itu, sisa batang kelapa sawit (*Oil Palm Trunk – OPT*) dan sisa pembuangan kilang minyak sawit (*Palm Oil Mill Effluent – POME*) yang masing-masing menghasilkan bahan termaju grafin yang penting untuk kegunaan industri sarung tangan getah dan tayar. Sisa sekam padi juga boleh dimanfaatkan bagi tujuan penghasilan nanosilika yang mempunyai potensi pasaran global mencecah USD 8.6 bilion menjelang 2031.

Menurut YB KM, “Kertas-kertas yang dibawa dalam mesyuarat NCEC kali kedua ini membuktikan bahawa peralihan kepada ekonomi kitaran membawa banyak manfaat dan impak yang tinggi kepada pertumbuhan ekonomi negara. Semua inisiatif yang dibincangkan adalah selaras dengan matlamat NCEC untuk menggalakkan ekonomi kitaran dengan memaksimumkan penggunaan bahan buangan, mengurangkan impak ke atas sumber alam serta memacu pertumbuhan ekonomi. Ini membuktikan bahawa ekonomi kitar semula bukan sahaja membantu dalam penggunaan sumber secara mampan, tetapi juga dapat merangsang pertumbuhan ekonomi secara signifikan”.

Selain daripada itu, YB KM turut menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam industri kitar semula. Kadar Kitar Semula Kebangsaan (KKSK) telah mencapai 37.9 peratus pada tahun 2024 iaitu peningkatan sebanyak 2.5 peratus berbanding tahun 2023 (35.4 peratus).

KPKT dan industri kitar semula akan meningkatkan usaha untuk memastikan sasaran KKSK mencapai 40 peratus pada tahun 2025. Gerak kerja bagi menentukan sasaran bagi tempoh 2026-2030 akan dimulakan dalam tempoh masa terdekat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

